

20/07/1999

Boleh debat di tempat berkecuali

GURUN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno bersedia berdebat dengan pembangkang di tempat berkecuali, termasuk di stesen media asing.

Perdana Menteri berkata, ia kerana pembangkang yang telah membawa masalah politik negara ke peringkat antarabangsa dan adalah wajar debat diadakan menerusi media antarabangsa.

Justeru, katanya, wajar ia diadakan di forum berkecuali, seperti di stesen televisyen Cable News Broadcasting Corporation (CNBC).

"Sebenarnya mereka telah membawa masalah kita ke peringkat antarabangsa. Mereka melakukan banyak pembohongan dan kita perlu membalasnya menerusi media antarabangsa.

"Justeru, jika ada perdebatan, ia perlu diadakan di peringkat berkecuali dan bukan seseorang yang berat sebelah.

"Mari dengar apa yang mereka (pembangkang) kata...sama ada mereka cukup berani," katanya ketika diminta mengulas sama ada isu perdebatan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar perlu diadakan di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar selepas melancarkan motosikal Modenas Jaguh 175cc, di kilang Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd, di sini hari ini.

Semalam, Hishammuddin berkata, Pemuda Umno menerima tawaran CNBC bagi mengadakan debat terbuka dengan pemimpin pembangkang, terutama Mahfuz tetapi belum menetapkan tarikh dan tempatnya.

Dr Mahathir juga berkata apabila pemimpin Umno secara jujur pergi ke universiti untuk berdebat, dewan dipenuhi penyokong pembangkang sehingga tidak diberi peluang untuk bercakap, sebaliknya penyokong pembangkang mengeboo mereka.

Katanya, Umno boleh berbuat demikian dengan meminta penyokong parti menghadiri debat seumpama itu tetapi berpendapat ia bukan cara untuk menyelesaikan masalah.

Ketika ditanya sama ada beliau bersedia untuk berdebat, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu berbuat demikian kerana mereka boleh mendengar ucapannya setiap hari dan boleh menjawabnya jika mahu berbuat demikian.

Dr Mahathir juga mempertahankan media tempatan yang didakwa oleh parti pembangkang sebagai mengarut dan menyebarkan laporan tidak tepat.

(END)